

KERJAYA GRADUAN SARJANA MUDA SYARIAH, AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA (1996 – 2002)

Nor Aini Ali*
Azizi Che Seman*
Mohd. Yahya Mohd. Hussin* *

ABSTRACT

This study examines career of the graduates of bachelor of Shariah, Academy of Islamic Studies, University of Malaya from 1996 – 2002 by using a questionnaire to collect the data. A total of 190 respondent who are served by a questionnaire are analysed by using parametric test and non parametric test. The finding shows that majority graduates (89%) are working, whereby 7.9% of the graduates opting to further their studies and the rest of the respondent (3.2%) remain unemployed during one year after graduation. From the total of working graduates, it is analysed that 54.4% involve in education field. This study also shows that at current, majority of the respondent (85.8%) are employed in various of sector and field.

PENGENALAN

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) telah ditubuhkan pada tahun 1 April 1981 dengan dua fakulti utama iaitu Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin. Sejarah awal penubuhan APIUM bermula hasil daripada suatu pakatan politik umat Islam di negara ini.

* Pensyarah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Pensyarah, Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

APIUM merupakan gabungan di antara Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam yang merupakan dua institusi yang tersendiri di Universiti Malaya.¹

(1) Jabatan Pengajian Islam

Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah ditubuhkan pada tahun 1959.² Penubuhan JPI adalah hasil daripada hubungan formal antara Kolej Islam Malaya dan Universiti Malaya.³ Sejak dari waktu itu, Majlis Kolej Islam Malaya berperanan sebagai penguasa eksekutif jabatan berkenaan, manakala Senat Universiti Malaya pula berperanan untuk mengawasi aspek yang berkaitan dengan bidang akademik sahaja.⁴ Pada 1970, Majlis Kolej Islam Malaya telah dibubarkan dan Jabatan Pengajian Islam telah diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis dan Senat Universiti Malaya.⁵ Dari tarikh tersebut sehingga ia bergabung dengan Akademi Pengajian Islam pada bulan April 1996, jabatan ini merupakan sebuah jabatan di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.⁶

(2) Akademi Islam

Pada tahun 1981, Akademi Islam telah ditubuhkan hasil daripada pengambilalihan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, Kelantan. Sebelum ini, YPTIK dikenali sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK) yang telah ditubuhkan pada Oktober 1965.⁷ Pada 18 September 1969, PPTIK ditukar nama kepada YPTIK melalui Enakmen Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan 1968 (Kn.P.u.no.19).⁸ Pengambilalihan ini merupakan satu daripada agenda penting dari satu pakatan politik antara Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak bin Hussain dan Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Dato' Muhammad Asri bin Haji Muda. Rentetan daripada peristiwa ini, pada 1978, kerajaan negeri Kelantan

¹ Temubual dengan Dato' Profesor Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 30 November 2004, jam 3.00 petang.

² Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2004/2005), *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademik 2004/2005*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 3.

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.*

⁷ Temubual dengan Dato' Profesor Dr. Mahmood Zuhdi Hj Abd. Majid, *op.cit.*

⁸ *Ibid.*

menyediakan dua kawasan iaitu Machang (Bukit Ilmu) dan Bachok masing-masing mempunyai keluasan 500 dan 600 ekar bagi tapak pembinaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.⁹ Walaupun begitu, pembinaan Akademi Pengajian Islam di kedua-dua tempat tidak dapat dilaksanakan.¹⁰ Sekarang, pentadbiran Akademi Pengajian Islam dilaksanakan di dua tempat iaitu di kampus utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan di kampus cawangan Akademi Pengajian Islam di Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.¹¹

Serentak dengan bermulanya sistem semester yang telah diperkenalkan pada sesi kemasukan tahun 1996/1997, Bahagian Pengajian Syariah mempunyai 5 buah jabatan/pengkhususan iaitu:

- (1) Jabatan Fiqh dan Usul (JFU);
- (2) Jabatan Syariah dan Undang-undang (JSU);
- (3) Jabatan Syariah dan Ekonomi (JSE);
- (4) Jabatan Syariah dan Pengurusan (JSP); dan
- (5) Jabatan Siasah Syar'iyah (JSS)

Kelima-lima jabatan/ pengkhususan ini diwujudkan dengan harapan supaya bidang pengajian Syariah dapat lebih dimantapkan dengan pengkhususan yang lebih bersifat kontemporari dan memenuhi keperluan semasa sama ada dari segi akademik atau pasaran kerjaya.

Semenjak penubuhannya dalam tahun 1981 sehingga kini, APIUM yang dahulunya Akademi Islam telah mengeluarkan ribuan graduan Sarjana Muda Syariah yang menjadi input kepada pasaran kerjaya dan memberi sumbangan yang signifikan di dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini terutama setelah kejatuhan ekonomi 1997 dengan kadar pengangguran dan masalah guna tenaga yang meruncing, graduan dalam bidang pengajian Islam termasuk graduan Syariah APIUM telah dilabelkan sebagai graduan yang tidak dinamik, tidak berdaya saing dan tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Selain itu, graduan dari bidang pengajian Islam juga dikatakan sebagai

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2004/2005), *Buku Panduan Program Ijazah Tinggi Tahun Akademi 2004/2005*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 4.

antara penyumbang utama pada masalah pengangguran di kalangan graduan universiti di Malaysia.

Walaupun ada tulisan yang menyenaraikan graduan Pengajian Islam di dalam statistik pengangguran di Malaysia,¹² namun tulisan itu tidak memperincikan metode perolehan data dan analisis yang digunakan. Selain itu, belum ada kajian semasa yang dibuat terhadap graduan Syariah APIUM secara khusus. Justeru, satu penyelidikan khusus untuk mendapatkan maklumat sebenar bidang kerjaya dan tahap guna tenaga graduan Syariah APIUM perlu dilakukan.

Artikel ini menganalisis bidang kerjaya graduan Sarjana Muda Syariah, APIUM dari tahun 1996-2002. Dari tahun 1996 hingga 2002, APIUM telah mengeluarkan sebanyak 1 246 orang graduan Sarjana Muda Syariah.¹³ Penulis memilih tempoh 1996-2002 kerana kesan kejatuhan ekonomi 1997 dirasakan secara langsung oleh graduan-graduan dalam tahun-tahun tersebut.

Tulisan ini akan dimulakan dengan latar belakang pengangguran siswazah dan diikuti dengan metodologi kajian dan seterusnya analisis kajian serta kesimpulan.

PENGANGGURAN SISWAZAH

Masalah pengangguran di kalangan siswazah atau graduan ini telah mula diperkatakan pada lewat 1980-an lagi. Golongan yang menganggur boleh didefinisikan sebagai penduduk yang sedang mencari dan mahu bekerja untuk mendapatkan upah atau untung ataupun penduduk yang tidak mencari pekerjaan tetapi bersedia untuk bekerja jika ditawarkan pekerjaan.¹⁴

¹² Lihat Ibrahim Abu Shah (2004), "Graduan dan Isu Pengangguran" (Kertas Kerja Konferensi Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan Dekan-dekan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)) di Hotel Pan Pacific, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), 21 Julai 2004), h. 2, <http://www.uitmvc.edu.my/article.cfar?id=131>, 22 Julai 2004 .

¹³ Universiti Malaya, *Buku Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 1996 – 2002*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

¹⁴ Chamsuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan (2002), *op.cit.*, h. 22; Untuk maklumat lanjut berkenaan konsep guna tenaga, sila lihat Jamal Ali, Norzilah Hj. Aziz, Anizah Md. Ali & Zalina Mohd. (2000), *Prinsip Ekonomi*, c. 1. Sintok: Universiti Utara Malaysia, h. 295; Sadono Sukirno & Mohamed Aslam Gulam Hassan (1999), *Makroekonomi Teori, Masalah & Dasar Kerajaan*. Petaling Jaya: Prentice Hall, h. 296 – 307; Rahmah Ismail, Zaini Mahbar & Ab. Razak Dan (1999), "Persepsi dan Keperluan Majikan Sektor Awam Terhadap Graduan

Melihat kepada kadar pengangguran mengikut jurusan yang dipilih oleh graduan, siswazah jurusan sastera adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 31.1%, Ekonomi sebanyak 11.3%, Perakaunan 9.2 %, Pentadbiran Perniagaan 8.8% dan Pendidikan Islam sebanyak 8.6%. Hampir 70% daripada siswazah yang menganggur adalah terdiri daripada mereka yang mengambil lima kursus ini.¹⁵

Menurut Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), di dalam artikel terbitan UiTM, beliau berpendapat penonjolan mahasiswa dalam isu ini selalunya dikaitkan dengan spekulasi berikut:¹⁶

1. Ramai di kalangan bumiputera memilih bidang Sastera ataupun kursus yang tidak diperlukan di pasaran kerja;
2. Pemilihan kursus yang tidak sesuai dengan keperluan pasaran menyebabkan sebahagian besar daripada mereka gagal untuk mendapatkan pekerjaan; dan
3. Keputusan peperiksaan yang kurang cemerlang dan tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang rendah.

Terdapat juga golongan graduan yang menyimpan perasaan ego dan malu untuk melakukan kerja-kerja yang tidak setaraf dengan kelulusan mereka. Keadaan akan menjadi lebih buruk lagi apabila ada segelintir siswazah yang rela menganggur dari bekerja dalam bidang yang tidak diminati atau bergaji rendah. Sikap seperti ini menunjukkan bahawa mereka ini tidak matang dan tidak mempunyai kesungguhan dalam membina jati diri masing-masing. Selain daripada itu, mahasiswa digalakkan untuk mencuba dan berani menerokai dunia baru dan seterusnya mencipta kerja dan karier bagi diri mereka sendiri berbekalkan kemahiran, ilmu pengetahuan dan keazaman yang tinggi.

Selain daripada golongan mahasiswa, pihak majikan dan industri juga turut berperanan dalam hal ini. Pihak majikan seharusnya membuka peluang kepada para graduan untuk mempamerkan kemahiran dan berkongsi idea dalam agenda pembangunan sesebuah industri. Sikap segelintir majikan yang hanya mengambil mereka yang mempunyai pengalaman kerja adalah kurang praktikal. Ini kerana, kebanyakan mahasiswa lepasan

Ekonomi" (Seminar Kebangsaan Pendidikan Ekonomi di Persimpangan Jalan di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur, 22–23 November 1999), h. 14; Supian Ali, Rahmah Ismail & Muhammad Anuar Adnan (eds.) (1997), *Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h. 106.

¹⁵ Ibrahim Abu Shah (2004), *op.cit.*

¹⁶ *Ibid.*

universiti masih belum mempunyai pengalaman kerja seperti yang dikehendaki oleh sesetengah majikan. Sikap seperti ini hanya akan menutup peluang para graduan untuk menimba pengalaman sekaligus mendapatkan pekerjaan yang baik dan menjamin masa hadapan mereka.

Bagi mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah, kerajaan telah mengambil langkah proaktif memberi latihan dan pengalaman kerja kepada graduan yang menganggur melalui Skim Latihan Graduan. Pada bulan November 2001, Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KSM) telah memperuntukkan sebanyak RM80 juta untuk melatih 12 449 graduan menganggur di bawah skim tersebut.¹⁷ Pada bulan Ogos 2003, KSM sekali lagi telah memperuntukkan 70 juta bagi melatih 8 778 graduan yang menganggur.¹⁸ Secara keseluruhannya, seramai 21 227 graduan menganggur telah dilatih di bawah skim ini. Dalam kedua-dua skim, sebanyak lapan program latihan dilaksanakan iaitu Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah (SUTKS), Skim Sangkutan Meningkatkan Keupayaan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Dalam Bidang Komunikasi Dan Teknologi Maklumat (ICT), Skim Sangkutan Dan Latihan (SSL), Skim Sangkutan Kajian (SSK), Skim Sangkutan Dan Latihan Swasta (SSLS), Skim Latihan Komunikasi Dan Teknologi Maklumat (ICT) Dan Bahasa Untuk Siswazah, Skim Melanjutkan Pengajian dan Skim Sangkutan Pembantu Pengajar (SSPP).¹⁹ Penawaran program di bawah skim ini adalah di bidang-bidang yang diperlukan oleh industri dan bersesuaian dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh industri pada masa ini.²⁰ Sebanyak 70% graduan yang menyertai skim ini telah mendapat pekerjaan.²¹

¹⁷ Fong Chan Onn (Datuk Dr.) (2004), "Teks Ucapan" (Sempena Majlis Penyampaian Sijil, Skim Graduan II di Hotel Renaissance, Melaka, 20 Mac 2004), <http://www.mohr.gov.my/makluman/spm363.html>, 30 Disember 2004.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Unit Perancang Ekonomi (2004), "Program Sangkutan dan Latihan di Kalangan Siswazah Menganggur dan Program Khas Peningkatan Latihan Kemahiran Pekerja diberhentikan", http://www.epu.jpm.my/New%20Folder/prog_khas_siswazah/skim_programakhbar1.htm, 30 Disember 2004.

²⁰ Fong Chan Onn, *op.cit.*

²¹ *Ibid.*

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data kerjaya graduan Syariah di samping metode temubual bagi mendapatkan maklumat tentang sejarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Jadual di bawah menunjukkan jumlah populasi, jumlah sampel dan jumlah responden yang mengembalikan soal selidik mengikut jabatan. Populasi kajian diperolehi daripada seksyen peperiksaan Universiti Malaya dan buku istiadat konvoquesyen tahunan Universiti Malaya.

Jadual 1: Jumlah populasi, jumlah sampel dan jumlah responden yang mengembalikan soal selidik mengikut jabatan

Jabatan/ Pengkhususan	Σ populasi	Σ sampel	Σ dikembalikan	Σ responden
JFU	175	51	38	38
JSE	113	33	21	41
JSP	139	40	23	23
JSS	135	39	18	26
JSU	218	62	40	62
Tiada Jabatan	466	82	50	-
Total	1 246	307	190	190

Sumber: Seksyen Peperiksaan Universiti Malaya, Buku Istiadat Konvoquesyen Universiti Malaya 1996 – 2002 dan Soal Selidik.

Daripada Jadual 1 di atas, didapati bahawa jumlah populasi kajian adalah 1 246 orang graduan Sarjana Muda Syariah yang terdiri daripada graduan dari 5 jabatan dan 1 yang tiada jabatan. Graduan yang tiada jabatan adalah graduan yang menerima ijazahnya dari tahun 1996-1998 dan 1999 (sistem penggal) kerana pada masa itu masih belum wujud jabatan-jabatan di Fakulti Syariah, tetapi graduan tersebut telah mengambil pengkhususan-pengkhususan tertentu yang boleh dikatakan mewakili jabatan-jabatan tertentu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 307 orang responden dipilih untuk dijadikan sampel kajian di mana sampel dipilih mengikut nisbah populasi bagi setiap jabatan. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak strata di mana sampel diambil berasaskan nisbah setiap sub kumpulan. Ini bermaksud bahawa jika populasi bagi kumpulan tersebut adalah besar, maka sampel yang diambil juga adalah besar.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dari 1 Mei 2004 hingga 8 Julai 2004. Dalam tempoh tersebut, penulis telah mengedarkan sebanyak 307 set soal selidik kepada graduan Sarjana Muda Syariah yang menerima ijazah dari tahun 1996 hingga 2002 di seluruh Malaysia. Namun, hanya 190 set sahaja yang dikembalikan. Semua set tersebut diterima untuk dianalisis.

Penulis telah membahagikan soal selidik kepada 11 Bahagian yang dilabelkan A hingga K. Bagi tujuan penulisan ini, penulis hanya akan membincangkan Bahagian A, E, G dan I sahaja. Bahagian A merupakan latar belakang responden seperti tarikh lahir, jantina, status perkahwinan dan keturunan. Bahagian E pula melihat pekerjaan graduan selepas konvokesyen. Bahagian G pula merupakan penempatan kerja pertama graduan dan Bahagian I adalah pekerjaan semasa graduan. Dapatan soal selidik dianalisis dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) 12.0. Ujian parametrik dan bukan parametrik dilakukan ke atas data tersebut untuk mendapatkan hasil yang diperlukan. Bagi ujian tersebut, penulis menggunakan $\alpha=0.1$ untuk menguji kesignifikan pembolehubah yang diuji.

ANALISIS SOAL SELIDIK

Latar Belakang Responden

Jadual 2: Taburan jabatan/ pengkhususan responden

Jabatan / Pengkhususan	Bil.	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
JFU	38	20.0	20.0	20.0
JSE	41	21.6	21.6	41.6
JSP	23	12.1	12.1	53.7
JSU	62	32.6	32.6	86.3
JSS	26	13.7	13.7	100.0
Total	190	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik.

Jika dilihat daripada 190 responden, didapati majoriti responden terdiri daripada responden dari jabatan/ pengkhususan JSU iaitu 62 (32.6%). Ini kerana populasi graduan jabatan ini paling tinggi. Jika dibandingkan jantina responden pula, majoriti responden terdiri daripada perempuan (61.1%).

Jadual 3: Jadual silang jantina dan jabatan/ pengkhususan responden

Jantina	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Lelaki	13	17	9	24	11	74(38.9%)
Perempuan	25	24	14	38	15	116(61.1%)
Total	38	41	23	62	26	190(100.0%)

Sumber: Soal Selidik.

Jadual 4: Jadual silang umur dan jabatan/ pengkhususan responden

Umur	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
25	0	1	2	1	1	5(2.6%)
26	9	3	6	7	2	27(14.3%)
27	14	10	7	8	6	45(23.8%)
28	7	5	7	14	6	39(20.6%)
29	4	2	1	4	4	15(7.9%)
30	4	12	0	9	1	26(13.8%)
31	0	6	0	11	3	20(10.6%)
32	0	1	0	7	3	11(5.8%)
33	0	1	0	0	0	1(0.5%)
Total	38	41	23	61	26	189(100.0%)

Sumber: Soal Selidik.

Responden termuda berumur 25 tahun dan yang paling tua berumur 33 tahun. Perbezaan umur antara yang termuda dan yang tertua tidak banyak beza kerana penyelidik hanya mengkaji graduan yang menerima ijazah dalam tempoh 1996 hingga 2002 sahaja. Majoriti responden berumur 27 tahun (23.8%). Seorang responden tidak menyatakan umurnya.

Jadual 5: Jadual silang keturunan dan jabatan/ pengkhususan responden

Keturunan	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Melayu	38	40	23	62	26	18(99.5%)
Kadazan/ Dusun	0	1	0	0	0	1(0.5%)
Total	38	41	23	62	26	190(100.0%)

Sumber: Soal Selidik.

Jadual 6: Jadual silang status perkahwinan dan jabatan/ pengkhususan responden

Status Perkahwinan	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Tidak pernah berkahwin	20	12	9	21	8	70(37.0%)
Berkahwin	18	28	14	40	18	118(62.4%)
Duda/Janda	0	1	0	0	0	1(0.5%)
Total	38	41	23	61	26	189(100.0%)

Sumber: Soal Selidik.

Melihat kepada keturunan pula, majoriti responden berketurunan Melayu (99.5%) dan seorang berketurunan Kadazan/ Dusun. Jika dilihat daripada 190 responden, majoriti sudah berkahwin (62.4%) yang kebanyakannya terdiri daripada responden dari JSU (21.2%). Seorang responden sudah berstatus duda/ janda dan seorang responden tidak menyatakan status perkahwinannya.

Jadual 7: Jadual silang sesi kemasukan ke Universiti Malaya Kuala Lumpur dan jabatan/ pengkhususan responden

Sesi kemasukan ke UMKL	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
1992/1993	0	1	0	0	0	1(0.5%)
1993/1994	0	5	0	13	7	25(13.2%)
1994/1995	0	14	0	10	0	24(12.7%)
1996/1997	9	6	6	14	7	42(22.2%)
1997/1998	8	5	4	7	5	29(15.3%)
1998/1999	18	9	8	8	4	47(24.9%)
1999/2000	3	1	5	9	3	21(11.1%)
Total	38	41	23	61	26	189(100.0%)

Sumber: Soal Selidik.

Jadual 8: Jadual silang sistem pengajian responden dan jabatan/ pengkhususan responden

Sistem Pengajian	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Semester	38	21	23	39	19	140(73.7%)
Penggal	0	20	0	23	7	50(26.3%)
Total	38	41	23	62	26	190(100.0%)

Sumber: Soal Selidik.

Manakala dari segi sesi kemasukan ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur pula, kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang masuk ke Universiti Malaya pada sesi 1998/1999 (24.9%) yang majoritinya daripada JFU (9.5%). Seorang responden tidak menyatakan sesi kemasukannya. Melihat kepada sistem pengajian responden pula, majoriti sistem pengajian responden adalah sistem semester (73.7%) dan selebihnya sistem penggal (26.3%). Bagi JFU serta JSP, semasa sistem penggal, jabatan/ pengkhususan ini masih belum wujud lagi. Oleh sebab itulah, tiada responden dari jabatan/ pengkhususan ini semasa sistem penggal ini.

Jadual 9: Jadual silang kelayakan masuk responden ke Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan jabatan/ pengkhususan responden

Kelayakan Memasuki APIUM	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Pra Akademi Pengajian Islam	18	25	20	25	6	94(49.7%)
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	18	16	3	29	20	86(45.5%)
IKIP	0	0	0	7	0	7(3.7%)
Diploma Maahad Tahfiz	2	0	0	0	0	2(1.1%)
Total	38	41	23	61	26	189(100.0%)

Sumber: Soal Selidik

Jadual 10: Jadual silang tahun diijazahkan dan jabatan/ pengkhususan jabatan responden

Tahun dijazahkan	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
1997	0	6	0	11	5	22(11.6%)
1998	0	14	0	12	2	28(14.7%)
1999	7	5	5	10	3	30(15.8%)
2000	8	5	5	9	8	35(18.4%)
2001	17	7	6	6	4	40(21.1%)
2002	6	4	7	14	4	35(18.4%)
Total	38	41	23	62	26	190(100.0%)

Sumber: Soal Selidik

Jika dilihat kelayakan masuk responden pula, majoriti responden terdiri daripada responden dari Pra Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (49.7%) di Nilam Puri, Kelantan dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (45.5%). Seorang responden tidak menyatakan kelayakan masuk ke Universiti Malaya. Manakala dari segi tahun diijazahkan pula, kebanyakan responden menerima ijazah pada tahun 2001 (21.1%), diikuti 2000 dan 2002 masing-masing 18.4%.

Jadual 11: Jadual silang peringkat kelulusan dan jabatan/ pengkhususan responden

Peringkat Kelulusan (Kelas)	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Kepujian Kelas Pertama	3	3	0	6	0	12(6.4%)
Kepujian Kelas Kedua (Atas)	20	21	13	22	15	91(48.4%)
Kepujian Kelas Kedua (Bawah)	13	16	6	27	8	70(37.2%)
Lulus Dengan Cemerlang	1	1	2	1	2	7(3.7%)
Lulus Dengan Kepujian	1	0	2	4	1	8(4.3%)
Total 38	41	23	60	26		188(100%)

Sumber: Soal Selidik

Melihat kepada peringkat kelulusan responden, majoriti responden berkelulusan Kepujian Kelas Kedua (Atas) iaitu 91 orang (48.4%) dan diikuti 70 orang responden (32.7%) berkelulusan Kepujian Kelas Kedua (Bawah) (37.2%). Daripada 12 responden yang mendapat Kepujian Kelas Pertama, majoriti daripadanya (6 orang) dari JSU. Dua orang responden tidak menyatakan peringkat kelulusan mereka.

Kerjaya Responden

Jadual 12: Jadual silang apa yang dilakukan oleh responden selepas konvokesyen dan jabatan/ pengkhususan responden

Apa yang dilakukan responden selepas konvokesyen	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Melanjutkan pengajian	5	4	2	4	0	15(7.9%)
Bekerja	18	18	18	26	21	101(53.2%)
Melanjutkan pengajian & bekerja	12	18	3	30	5	68(35.8%)
Tidak melanjutkan pengajian dan tidak bekerja	3	1	0	2	0	6(3.2%)
Total	38	41	23	62	26	190(100%)

Sumber: Soal Selidik

Daripada jadual di atas, didapati majoriti responden bekerja selepas konvokesyen mereka iaitu 101 orang (53.2%). Manakala 68 orang melanjutkan pengajian dan bekerja (35.8%). Hanya 6 orang sahaja (3.2%) yang tidak melanjutkan pengajian dan tidak bekerja. Jadi, boleh dibuat kesimpulan bahawa majoriti responden bekerja selepas konvokesyen mereka.

Melihat kepada kerjaya responden, daripada 169 responden yang bekerja, 69 orang (40.8%) menjadi guru, majoriti respondennya dari JSU (13%) serta JFU (11.2%). Di samping itu, kerjaya sebagai pensyarah juga menjadi pilihan responden iaitu 17 orang (10.1%), majoriti respondennya dari JSE serta JSU, masing-masing 5 orang (3%). Kerjaya ketiga tertinggi responden adalah kerani (7.7%) majoriti respondennya dari JSP serta JSU. Di samping tiga kerjaya ini, terdapat 39 lagi kerjaya yang diceburi oleh responden seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1. Boleh disimpulkan bahawa separuh daripada responden menjadi pendidik dan separuh lagi bekerja selain daripada pendidik.

Jadual 13: Jadual silang bidang tugas pekerjaan pertama dan jabatan responden

Bidang Pekerjaan Pertama	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Perkeranian/ pentadbiran	4 (2.4%)	5 (3.0%)	7 (4.1%)	11 (6.5%)	5 (3.0%)	32 (18.9%)
Latihan/ kursus	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	2 (1.2%)
Kewangan/ perbankan	0 (0.0%)	4 (2.4%)	2 (1.2%)	3 (1.8%)	1 (0.6%)	10 (5.9%)
Pendidikan/ perguruan	21 (12.4%)	21 (12.4%)	7 (4.1%)	29 (17.2%)	14 (8.3%)	92 (54.4%)
Pertanian/ penternakan	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
Mekanikal/ teknikal	1 (0.6%)	0 (0.0%)	2 (1.2%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	5 (3.0%)
Kesihatan/ kerja sosial	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	2 (1.2%)
Penulisan/ kesenian	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)
Teknologi Maklumat & Komunikasi	2 (1.2%)	2 (1.2%)	0 (0.0%)	2 (1.2%)	1 (0.6%)	7 (4.1%)
Pembinaan	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)

sambungan Jadual 13: Jadual silang bidang tugas pekerjaan pertama dan jabatan responden

Bidang Pekerjaan Pertama	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Pemasaran	0 (0.0%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	3 (1.8%)
Perkhidmatan dan Jualan	0 (0.0%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	2 (1.2%)
Perundangan/ Kehakiman	0 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (2.4%)	1 (0.6%)	6 (3.6%)
Penerbitan	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
Penyelidikan	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	2 (1.2%)	0 (0.0%)	3 (1.8%)
Perundingan/ Khidmat nasihat	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
Total	30 (17.8%)	36 (21.3%)	21 (12.4%)	56 (33.1%)	26 (15.4%)	169 (100%)

Sumber: Soal Selidik

Daripada Jadual 13 di atas, didapati wujud 16 bidang pekerjaan pertama responden. 92 orang responden (54.4%) menceburi bidang pendidikan/ perguruan. Diikuti bidang perkeranian dan pentadbiran (18.9%). Seterusnya bidang-bidang lain seperti Kewangan/ Perbankan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Perundangan/ Kehakiman.

Jadual 14: Jadual silang kerelevanan pekerjaan pertama dan jabatan responden

Tahap Kerelevanan Pekerjaan Pertama	Jabatan / Pengkhususan					Total JSS
		JFU	JSE	JSP	JSU	
Sangat tidak relevan	1	1	6	6	0	14(9.6%)
Tidak relevan	3	2	0	5	2	12(8.2%)
Kurang relevan	4	9	5	7	5	30(20.5%)
Agak relevan	10	8	2	6	10	36(24.7%)
Relevan	6	10	3	15	8	42(28.8%)
Sangat relevan	2	2	1	7	0	12(8.2%)
Total	26	32	17	46	25	146(100%)

Sumber: Soal Selidik

Daripada Jadual 14 di atas, didapati daripada 169 orang responden yang bekerja, seramai 12 orang (8.2%) berpendapat pekerjaan pertama mereka adalah sangat relevan dengan kelulusan mereka. 23 orang responden tidak menjawab soalan ini. Untuk mendapat gambaran yang lebih umum, respons dikelaskan semula seperti berikut:

Relevan = agak relevan, relevan dan sangat relevan

Tidak relevan = sangat tidak relevan, tidak relevan dan kurang relevan

Dari pengkelasan semula ini, penulis mendapati bahawa majoriti responden (61.6%) bersetuju bahawa pekerjaan pertama mereka adalah relevan dengan kelulusan mereka dan 56 orang (38.4%) berpendapat pekerjaan mereka tidak relevan dengan kelulusan (lihat Lampiran 2).

Jika dilihat kepada pekerjaan semasa responden, daripada sejumlah 163 orang responden yang bekerja, seramai 82 orang (50.3%) menjadi guru dan 18 orang (11%) menjadi pensyarah. Jika dilihat kepada kerjaya guru, majoriti respondennya dari JSU (14.1%) serta JFU (12.9%). Tetapi, jika dilihat kepada kerjaya pensyarah pula, 8 orang (4.9%) dari JSE manakala selebihnya dari JSU (3.7%), JSP (1.2%) serta JSS (1.2%). Tiada responden yang menjadi pensyarah dari JFU. Selain dari 2 kerjaya ini, wujud 33 kerjaya lain yang diceburi oleh responden seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 3.

Jadual 15 menunjukkan terdapat 11 bidang yang diceburi oleh responden dalam kerjaya mereka. Daripada 163 orang yang bekerja, bidang Pendidikan/ Perguruan masih lagi menjadi pilihan utama responden (66.9%). Diikuti oleh bidang Perkeranian/ Pentadbiran (12.9%). Pilihan ketiga responden adalah bidang Kehakiman/ Perundangan (6.1%).

Jadual 15: Jadual silang bidang pekerjaan semasa dan jabatan responden

Bidang Tugas Pekerjaan Semasa	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Perkeranian/ pentadbiran	.2 (1.2%)	3 (1.8%)	5 (3.1%)	9 (5.5%)	2 (1.2%)	21 (12.9%)
Latihan/kursus	0 (0.0%)	2 (1.2%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	3 (1.8%)
Kewangan/ perbankan	1 (0.6%)	3 (1.8%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (2.5%)

sambungan Jadual 15: Jadual silang bidang pekerjaan semasa dan jabatan responden

Bidang Tugas Pekerjaan Semasa	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Pendidikan/ perguruan	23 (14.1%)	25 (15.3%)	13 (8.0%)	30 (18.4%)	18 (11.0%)	109 (66.9%)
Penulisan/ kesenian	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	1 (0.6%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	3 (1.8%)
Pemasaran	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	2 (1.2%)	1 (0.6%)	4 (2.5%)
Perundangan/ kehakiman	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	9 (5.5%)	0 (0.0%)	10 (6.1%)
Perundingan/ khidmat nasihat	0 (0.0%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	3 (1.8%)	1 (0.6%)	6 (3.7%)
Penerbitan	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
Penyelidikan	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
Total	29 (17.8%)	37 (22.7%)	19 (11.7%)	55 (33.7%)	23 (14.1%)	163 (100%)

Sumber: Soal Selidik

Ujian korelasi dan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah

Bagi perbincangan seterusnya, penulis membahagikan bidang pekerjaan graduan sama ada pekerjaan pertama atau pekerjaan sekarang kepada bidang pendidikan dan bukan pendidikan. Bidang-bidang yang termasuk dalam bidang bukan pendidikan adalah seperti bidang Perkeranian/ Pentadbiran, Latihan/ Kursus dan Kewangan/ Perbankan (lihat Jadual 13 dan 15).

Jadual 16: Nisbah graduan yang menceburkan diri dalam kerjaya di bidang pendidikan jabatan-jabatan

Bidang pekerjaan	Jabatan/ Pengkhususan	N	Min piawai	Sisihan	Sisihan ralat
Bidang pekerjaan pertama graduan (1= pendidikan & 0 = bukan pendidikan)	JFU	30	0.70	0.466	0.085
	JSE	36	0.58	0.500	0.083
	JSP	21	0.33	0.483	0.105
	JSU	56	0.52	0.504	0.067
	JSS	26	0.54	0.508	0.100
	Total	169	0.54	0.500	0.038
Bidang pekerjaan semasa graduan (1= pendidikan & 0 = bukan pendidikan)	JFU	29	0.79	0.412	0.077
	JSE	37	0.68	0.475	0.078
	JSP	19	0.68	0.478	0.110
	JSU	55	0.55	0.503	0.068
	JSS	23	0.78	0.422	0.088
	Total	163	0.67	0.472	0.037

Sumber: Soal Selidik

Jadual 16 di atas menunjukkan nisbah graduan yang menceburkan diri dalam kerjaya di bidang pendidikan. Min ujian menunjukkan bahawa jabatan paling tinggi nisbah kerjaya dalam bidang ini adalah dari JFU. Ini benar dalam kedua-dua bidang kerjaya pertama dan semasa. Nisbah paling rendah adalah 0.33 (JSP) manakala paling tinggi adalah 0.7 (JFU) untuk kerjaya pertama di bidang pendidikan. Bagi kerjaya semasa di bidang pendidikan pula, nisbah paling tinggi 0.79 (JFU) dan nisbah paling rendah 0.55 (JSU). Terdapat peningkatan dalam nisbah yang menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan graduan untuk menceburi kerjaya dalam bidang pendidikan.

Lampiran 4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam nisbah tersebut antara jabatan-jabatan yang berbeza. Ini dibuktikan dengan nilai signifikan 0.133 bagi bidang pekerjaan pertama graduan dan 0.128 bagi bidang pekerjaan semasa. Walau bagaimanapun, ujian *post-hoc* yang dibuat (Tukey HSD) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($p=0.074$) di antara JFU dan JSP. Analisis dibuat dengan menggunakan ANOVA sehala.

Jadual 17: Jadual silang bidang pekerjaan pertama dan jabatan/ pengkhususan

Bidang pekerjaan pertama graduan	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Tidak Bekerja	8 (4.2%)	5 (2.6%)	2 (1.1%)	6 (3.2%)	0 (0.0%)	21 (11.1%)
Pendidikan	21 (11.1%)	21 (11.1%)	7 (3.7%)	29 (15.3%)	14 (7.4%)	92 (48.4%)
Bukan Pendidikan	9 (4.7%)	15 (7.9%)	14 (7.4%)	27 (14.2%)	12 (6.3%)	77 (40.5%)
Total	38 (20.0%)	41 (21.6%)	23 (12.1%)	62 (32.6%)	26 (13.7%)	190 (100%)

Sumber: Soal Selidik

Jadual 17 di atas menunjukkan jadual silang antara bidang pekerjaan pertama dan jabatan/ pengkhususan. Untuk tujuan ini, penulis telah mengkategorikan semula bidang-bidang pekerjaan kepada 3 kumpulan utama iaitu tidak bekerja, pendidikan dan bukan pendidikan. Ujian khi kuasa dua yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara jabatan-jabatan/ pengkhususan-pengkhususan dari aspek bidang pekerjaan pertama graduan ($p=0.075$).

Jadual 18: Ujian Khi Kuasa dua

	Nilai	Darjah kebebasan	Sig. (2 hujung)
Khi Kuasa Dua Pearson	14.253	8	0.075
N bagi kes sah	190		

Sumber: Soal Selidik

Bagi menguji hubungan antara pembolehubah jabatan/ pengkhususan dan bidang kerjaya pertama dan bidang pekerjaan semasa, penulis menggunakan ujian *Uncertainty Coefficient*. Penulis membahagikan bidang kerjaya graduan kepada bidang pendidikan dan bukan pendidikan tidak termasuk mereka yang tidak bekerja. Keputusan ujian mendapati bahawa H_0 tidak dapat ditolak di bawah aras keertian 10% ($\alpha=0.1$) yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan bidang kerjaya pertama graduan antara jabatan-jabatan ($p=0.125$) dan $p=0.122$ bagi bidang kerjaya semasa. Ujian-ujian lain juga menunjukkan keputusan yang sama.

Jadual 19: Pekerjaan graduan selepas konvokesyen

Jabatan/ pengkhususan	N	Min	Sisihan piawai	Sisihan ralat
JFU	38	0.92	0.273	0.044
JSE	41	0.98	0.156	0.024
JSP	23	1.00	0.000	0.000
JSU	62	0.97	0.178	0.023
JSS	26	1.00	0.000	0.000
Total	190	0.97	0.175	0.013

Sumber: Soal Selidik

Bagi tujuan analisis, penulis telah membahagikan kepada graduan bekerja/ melanjutkan pengajian dan tidak bekerja/ tidak melanjutkan pengajian dengan:

Nilai 1: graduan yang bekerja/ melanjutkan pengajian

Nilai 0: graduan yang tidak bekerja/ tidak melanjutkan pengajian

Min yang ditunjukkan oleh Jadual di atas membawa maksud peratus graduan yang bekerja atau melanjutkan pengajian daripada keseluruhan graduan jabatan berkenaan. Sebagai contoh, bagi JSE, 98% daripada graduan bekerja atau melanjutkan pengajian sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat ijazah pertama. Daripada jadual tersebut juga, didapati kesemua graduan daripada JSS dan JSP memilih untuk bekerja atau melanjutkan pengajian. Ini bermaksud tiada pengangguran dalam erti kata setiap graduan mempunyai aktiviti khusus sebaik sahaja selesai pengajian mereka. Ujian ANOVA yang dibuat ke atas perbandingan graduan bekerja/ melanjutkan pengajian dan tidak bekerja/ tidak melanjutkan pengajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jabatan-jabatan/ pengkhususan–pengkhususan dalam perkara ini ($p=0.353$).

KESIMPULAN

Secara ringkasnya perbincangan ini boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Graduan Syariah yang melanjutkan pengajian sebanyak 15 orang (7.9%), 101 orang (53.2%) bekerja, 68 orang (35.8%) melanjutkan pengajian dan bekerja serta 6 orang (3.2%) tidak melanjutkan pengajian dan tidak bekerja sebaik sahaja konvokesyen mereka.

2. Majoriti pekerjaan pertama graduan lebih tertumpu kepada kerjaya guru (40.8%).
3. Terdapat 16 bidang pekerjaan pertama graduan di mana majoritinya 92 orang (54.4%) menceburi bidang Pendidikan/ Perguruan, diikuti bidang Perkeranian/ Pentadbiran (18.9%) dan bidang-bidang lain seperti Kewangan/ Perbankan. Ini bermaksud, separuh daripada graduan menjadi pendidik dan separuh lagi bekerja selain daripada pendidik.
4. Majoriti responden (61.6%) bersetuju bahawa pekerjaan pertama mereka adalah relevan dengan kelulusan mereka dan 38.4% berpendapat pekerjaan mereka tidak relevan dengan kelulusan mereka.
5. Majoriti pekerjaan semasa graduan adalah guru iaitu 82 orang (50.3%).
6. Terdapat 11 bidang yang diceburi oleh responden dalam kerjaya semasa mereka di mana bidang Pendidikan/ Perguruan masih lagi menjadi pilihan utama responden (66.9%), diikuti oleh bidang Perkeranian/ Pentadbiran (12.9%) dan bidang Kehakiman/ Perundangan (6.1%).

Lampiran 1: Jadual silang pekerjaan pertama dan jabatan/ pengkhususan responden

Pekerjaan Pertama	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Eksekutif / Pegawai Pemasaran	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	1(0.6%)	0(0.0%)	3(1.8%)
Eksekutif Akaun	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif ICT	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif Insurans	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif Khidmat Pelanggan	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif Operasi Eksekutif/	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Pembangunan Sumber Manusia	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	2(1.2%)
Guru	19(11.2%)	12(7.1%)	6(3.6%)	22(13%)	10(5.9%)	69(40.8%)
Jurujual	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Juruwang	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Kerani	2(1.2%)	2(1.2%)	4(2.4%)	4(2.4%)	1(0.6%)	13(7.7%)
Kerani Akaun	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Kerja Sendiri	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	3(1.8%)

sambungan Lampiran 1: Jadual silang pekerjaan pertama dan jabatan/ pengkhususan responden

Pekerjaan Pertama	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Koordinator Akademik	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Koordinator Projek	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)
Motivator	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Operator Pengeluaran	1(0.6%)	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	0(0.0%)	3(1.8%)
Pegawai Bank	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	3(1.8%)
Pegawai Hal Ehwal Islam	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Penaksir Lembaga Hasil dalam Negeri	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Penerangan	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Tadbir	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Pegawai Tadbir dan Diplomatik	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	2(1.2%)
Peguam Syarie	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	2(1.2%)
Pembantu Klinik	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)
Pembantu Penyelidik	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	3(1.8%)
Pembantu Perpustakaan	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pembantu Tadbir	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	1(0.6%)	3(1.8%)
Pembantu Undang-Undang	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	3(1.8%)
Pembantu Undang-Undang Syarie	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pengawal Kualiti	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Penolong Pegawai Tadbir	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)
Penolong Pengurus	1(0.6%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Penolong Teknikal IT	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pensyarah	2(1.2%)	5(3.0%)	1(0.6%)	5(3.0%)	4(2.4%)	17(10.1%)
Penterjemah	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Penyelia Industri Automatif	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Penyunting	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)
Setiausaha	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Skim Sangkutan & Latihan/ Skim Siswazah	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	2(1.2%)	1(0.6%)	5(3.0%)
Staff Pejabat	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Tutor	1(0.6%)	4(2.4%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	6(3.6%)
Total	30(17.8%)	36(21.3%)	21(12.4%)	56(33.1%)	26(15.4%)	169(100%)

Sumber: Soal Selidik

Lampiran 2: Jadual silang kerelevanan pekerjaan pertama dan jabatan responden setelah dikelaskan semula

Tahap kerelevanan pekerjaan pertama	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Tidak relevan	8(5.5%)	12(8.2%)	11(7.5%)	18(12.3%)	7(4.8%)	56(38.4%)
Relevan	18(12.3%)	20(13.7%)	6(4.1%)	28(19.2%)	18(12.3%)	90(61.6%)
Total	26(17.8%)	32(21.9%)	17(11.6%)	46(31.5%)	25(17.1%)	146(100%)

Sumber: Soal Selidik

Lampiran 3: Jadual silang pekerjaan semasa dan jabatan/ pengkhususan responden

Pekerjaan Semasa	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Bekerja Sendiri	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)	2(1.2%)	4(2.5%)
Editor Bebas	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif ICT	1(0.6%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Eksekutif Insurans	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif Operasi	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif Pemasaran	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)	1(0.6%)	3(1.8%)
Eksekutif Pembangunan Perniagaan	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif Pentadbiran	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Eksekutif Sumber Manusia	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)
Fellow	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Guru	21(12.9%)	14(8.6%)	10(6.1%)	23(14.1%)	14(8.6%)	82(50.3%)
Kaunselor	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Kerani	1(0.6%)	1(0.6%)	2(1.2%)	0(0.0%)	0(0.0%)	4(2.5%)
Ketua Bahagian Kemasukan dan Rekod	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	4(2.5%)	0(0.0%)	4(2.5%)
Pegawai Agama	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Bank	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Khidmat Singkat	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pegawai Perunding	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)

sambungan Lampiran 3: Jadual silang pekerjaan semasa dan jabatan/ pengkhususan responden

Pekerjaan Semasa	Jabatan / Pengkhususan					Total
	JFU	JSE	JSP	JSU	JSS	
Pegawai Sulh	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	1(0.6%)	2(1.2%)
Pegawai Syariah	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	3(1.8%)
Pegawai Tadbir	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Pegawai Tadbir & Diplomatik	0(0.0%)	2(1.2%)	1(0.6%)	2(1.2%)	1(0.6%)	6(3.7%)
Peguam Syari'e	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	6(3.7%)	0(0.0%)	6(3.7%)
Pembantu Penyelidik	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pembantu Perpustakaan	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pembantu Undang-Undang	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Penasihat Kewangan	0(0.0%)	0(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pengurus	0(0.0%)	2(1.2%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	2(1.2%)
Penolong Pegawai	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Penolong Pengarah	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Penolong Pengurus	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Pensyarah	0(0.0%)	8(4.9%)	2(1.2%)	6(3.7%)	2(1.2%)	18(11.0%)
Setiausaha Syariah	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	0(0.0%)	1(0.6%)
Tutor	2(1.2%)	1(0.6%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(0.6%)	4(2.5%)
Total	29 (17.8%)	37 (22.7%)	19 (11.7%)	55 (33.7%)	23 (14.1%)	163 (100.0%)

Sumber: Soal Selidik

Lampiran 4: Jadual ANOVA

Bidang pekerjaan		Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Bidang pekerjaan pertama graduan	Antara kumpulan	1.757	4	0.439	1.794	0.133
	Dalam kumpulan	40.160	164	0.245		
	Total	41.917	168			
Bidang pekerjaan semasa graduan	Antara kumpulan	1.589	4	0.397	1.818	0.128
	Dalam kumpulan	34.521	158	0.218		
	Total	36.110	162			

Sumber: Soal Selidik